

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1997/1998

September 1997

AAW314 - PENGAUDITAN 1

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEBELAS (11)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **LIMA (5)** soalan. Soalan daripada Bahagian A adalah **WAJIB**. Pilih **DUA (2)** soalan daripada Bahagian B.

BAHAGIAN A - WAJIB

1. (a) Juruaudit menjalankan beberapa tatacara ujian untuk menentukan bahawa maklumat di penyata kewangan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama. Sehubungan dengan ini, anda dikehendaki membincangkan perbezaan dua tatacara ujian di bawah ini.
 - (i) Juruaudit memulakan ujiannya dengan memeriksa cek yang dibatalkan dan kemudian meneliti dokumen penyokongan dan
 - (ii) Juruaudit memeriksa laporan penerimaan dan kemudian meneliti sama ada catatan selanjutnya telah dicatatkan di dalam penyata kewangan.

Nyatakan pernyataan pengurusan yang telah diuji oleh kedua-dua tatacara ujian tersebut dan jelaskan mengapa tatacara ujian itu adalah berlainan.

- (b) Encik Ibrahim Wahid adalah seorang juruaudit di firma Malik dan Ridwan. Bagi dua minggu pertama, beliau telah ditugaskan mengaudit Syarikat Peranginan. Di dalam tempoh ini, beliau akan menjalankan beberapa ujian pengauditan yang telah direka bentuk oleh Encik Mohamed Salleh, juruaudit "senior" yang akan mengawasi kerja pengauditannya. Objektif ujian yang akan dilakukannya adalah untuk memastikan sama ada tatacara kawalan dalaman dipatuhi. Dapatan ujian ini akan dapat menolongnya menentukan jenis, pemasaan dan sejauhmana ("nature, timing and extent") ujian substantif yang akan dijalankan.

Sebahagian dari kertas kerjanya adalah seperti yang ditunjukkan di Lampiran I, II dan III.

Anda dikehendaki:

- (i) menentukan tujuan kertas kerja di Lampiran I, II dan III. Adakah kertas kerja ini milik firma audit atau pelanggan?
- (ii) piawai pengauditan diterima umum menyatakan pembantu hendaklah diawasi dengan rapi. Mengapakah pengawasan penting di dalam pengauditan dan apakah petunjuk yang terdapat di dalam kertas kerja di Lampiran I yang menunjukkan pengawasan telah dijalankan?
- (iii) apakah maksud tanda "N-2" di atas kertas kerja di Lampiran I?
- (iv) apakah kepentingan menyatakan objektif, pendapat dan skop ujian di kertas kerja audit?
- (v) menyenaraikan kelemahan serta cadangan bagi mengatasi kelemahan yang terdapat di dalam kertas kerja di Lampiran I, II dan III.

[15 markah]

2. Berikut adalah sebahagian daripada penerangan sistem kawalan dalaman bagi beberapa syarikat pengilangan:

- (a) Apabila Encik Ahmad memesan bahan mentah bagi loji dan mesinnya, ia akan menghantar salinan pesanan beliannya kepada jabatan penerimaan. Semasa penghantaran bahan mentah, Encik Lim, kerani memesan akan mencatatkan penerimaan barangan berhubung dengan pesanan belian ini. Selepas membuat catatan, Encik Lim menghantarkan pesanan belian kepada jabatan perakaunan, di mana catatan belian bahan mentah dan akaun belum bayar dibuat. Tambahan belian akan dicatatkan di dalam kad lejar.

...3/-

- (b) Tiap-tiap hari, beratus-ratus pekerja menggunakan sistem kad rakam ("punch card") di dalam Syarikat Kenderaan Sederhana Berhad. Penjaga masa akan mengutip kad-kad ini di dalam masa seminggu dan kemudian menghantarkan kesemua kad itu ke Jabatan Komputer. Maklumat di dalam kad itu akan dimasukkan ke dalam komputer. Maklumat tersebut digunakan untuk penyediaan rekod pengagihan kos buruh, jurnal gaji dan cek gaji. Bendahari, Encik Wan membandingkan jurnal gaji itu dengan cek gaji, menandatangani cek tersebut, dan kemudian memulangkannya kepada Encik Sani, penyelia Jabatan Gaji. Cek gaji diagihkan kepada pekerja oleh Encik Sani.
- (c) Cawangan terkecil Kosmetik Berhad di Jalan Rangoon mengambil Puan Janet sebagai pengurus cawangan dan Encik Amran sebagai jurujualnya. Cawangan tersebut menggunakan akaun bank di Jalan Rangoon untuk membayar perbelanjaan. Akaun tersebut disimpan di bawah nama "Akaun Khas Kosmetik Berhad". Untuk meluluskan perbelanjaan, kesemua cek mestilah ditandatangani oleh Puan Janet atau Encik Ong, bendahari Syarikat Kosmetik Berhad. Puan Janet menerima penyata bank, menyelaraskan akaun cawangan dan menyimpan semua penyata bank di dalam fail. Beliau juga menyediakan dan menghantar laporan perbelanjaan kepada pejabat induk.

Dengan menggunakan jadual di bawah ini, anda dikehendaki:

- (i) menyenaraikan kelemahan di dalam kawalan dalaman bagi setiap keadaan di atas.
- (ii) menyatakan secara spesifik yang mungkin, jenis kesilapan yang mungkin terjadi akibat dari kelemahan yang telah disenaraikan di (i), dan
- (iii) mengemukakan cadangan memperbaiki setiap kelemahan itu?

Keadaan	Kelemahan	Jenis kesilapan	Cadangan mengatasi
(a)			
(b)			
(c)			

[20 markah]

...4/-

3. Berikut adalah penyata kewangan Syarikat USM Berhad dan laporan audit bagi tahun berakhir 31 Januari 1997. Pengauditan telah dijalankan oleh Puan Rosmawati, seorang akauntan di firma audit Aminah dan Angela. Beliau telah menjalankan pengauditan dan membuat laporan ke atas penyata kewangan firma untuk beberapa tahun yang lepas.

Syarikat USM Berhad
Kunci kira-kira pada 31 Januari 1996 dan 1997

<u>Aset</u>	<u>1996 (RM)</u>	<u>1997 (RM)</u>
Aset semasa:		
Tunai	43,822	51,862
Akaun belum terima - dicagarkan - tolak peruntukan hutang lapuk RM3,800 pada tahun 1997 dan RM3,000 pada tahun 1996 (lihat nota)	65,298	46,922
Inventori - dicagarkan - pada kos, tidak melebihi kos penggantian	148,910	118,264
Aset semasa lain	6,280	5,192
Jumlah aset semasa	<u>264,310</u>	<u>222,240</u>
Aset tetap:		
Tanah - pada kos	38,900	62,300
Bangunan - pada kos - tolak peruntukan susutnilai yang berjumlah RM50,800 pada tahun 1997 dan RM53,400 pada tahun 1996	174,400	150,200
Loji dan peralatan - pada kos - tolak peruntukan susutnilai yang berjumlah RM30,500 pada tahun 1997 dan RM25,640 pada tahun 1996	98,540	78,560
Jumlah aset tetap	<u>311,840</u>	<u>291,060</u>
Jumlah aset	==== 576,150 ====	==== 513,300 ====

AAW314

<u>Aset</u>	<u>1996 (RM)</u>	<u>1997 (RM)</u>
Liabiliti dan ekuiti pemegang saham		
Liabiliti semasa:		
Akaun belum bayar	27,926	48,161
Liabiliti lain	68,743	64,513
Bahagian semasa gadai janji jangka panjang	3,600	3,600
Cukai belum bayar	46,840	30,866
Jumlah liabiliti semasa	<u>147,109</u>	<u>147,140</u>
Liabiliti jangka panjang:		
Gadai janji belum bayar	90,400	94,000
Jumlah liabiliti	<u>237,509</u>	<u>241,140</u>
Ekuiti pemegang saham:		
Saham biasa, nilai par RM100, 1000 saham yang diluluskan dan diterbitkan	100,000	100,000
Perolehan tertahan	238,641	172,160
Jumlah pemegang saham	<u>338,641</u>	<u>272,160</u>
	=====	=====
Jumlah liabiliti dan ekuiti pemegang saham	<u>576,150</u>	<u>513,300</u>
	=====	=====

Nota: saya tidak mengesahkan baki akaun belum terima tetapi telah menjalankan tatacara pengauditan lain dan telah berpuashati bahawa baki akaun adalah betul.

...6/-

USM Berhad
Penyata pendapatan bagi tahun berakhir 31 Januari 1996 dan 1997

	<u>1996 (RM)</u>	<u>1997 (RM)</u>
Pendapatan:		
Jualan	884,932	682,131
Pendapatan lain	3,872	2,851
Jumlah	<u>888,804</u>	<u>684,982</u>
Kos dan belanja:		
Kos barang dijual	463,570	353,842
Belanja jualan	241,698	201,986
Belanja pentadbiran	72,154	66,582
Peruntukan cukai pendapatan	45,876	19,940
Belanja lain	12,582	13,649
Jumlah	<u>835,880</u>	<u>655,999</u>
Pendapatan bersih	52,924 =====	28,983 =====

Kepada:

Encik Ishak Halim
Presiden USM Berhad

Saya telah memeriksa kunci kira-kira, penyata pendapatan serta penyata perolehan tertahan USM Berhad.

Penyata tersebut menunjukkan gambaran yang saksama mengenai kedudukan kewangan dan telah disediakan secara konsisten mengikut prinsip perakaunan diterima umum. Pengauditan telah dijalankan mengikut prinsip pengauditan yang sesuai. Saya percaya pengauditan yang telah dijalankan menyediakan asas yang berpatutan bagi saya mengeluarkan pendapat.

Tandatangan .
Rosmawati
(Puan Rosmawati)

...7/-

Dikehendaki:

Senarai dan nyatakan kelemahan laporan audit yang disediakan oleh Puan Rosmawati. Perbincangan anda hendaklah berkisar tentang kelemahan dan justifikasi mengapa ianya lemah. Laporan audit yang betul mengikut garis panduan yang tertentu di Malaysia hendaklah juga dibincangkan. Nyatakan pembentangan maklumat di dalam penyata kewangan yang bertentangan dengan garis panduan jadual kesembilan Akta Syarikat, 1965.

ANDA HENDAKLAH MEMBUAT ANDAIAN BAHAWA JUMLAH ANGKA ADALAH BETUL.

[20 markah]

BAHAGIAN B

Jawab DUA (2) soalan sahaja.

4. Bincangkan tugas kanun dan tugas juruaudit berasaskan kes-kes mahkamah. Berikan contoh yang terjadi di Malaysia berhubung dengan perkara ini.

[20 markah]

5. Bincangkan kepentingan konsep kematangan (materialiti) dan kesilapan yang boleh diterima. Berikan contoh praktikal yang digunakan bagi menentukan perkara ini.

[20 markah]

6. The STAR, July 8 1997 telah menyatakan bahawa,

The ROC is investigating 300 company accounts and 220 auditing firms in the first such check on auditors and auditing companies. The investigations are based on 300 company accounts found not complying with the Companies Act 1965 and 220 auditors involved in their preparation.

Malaysia has 1,493 licensed auditors under the companies Act and 1,074 auditing companies registered with the ROC as at Dec. 31 1996.

...8/-

Dikehendaki:

- (a) Nyatakan seksyen di dalam akta yang kemungkinan tidak dipatuhi oleh juruaudit.
- (b) Di dalam kes seumpama ini apakah yang akan diselidiki oleh pendaftar syarikat (ROC) untuk menentukan sama ada firma audit itu bersalah atau tidak?
- (c) Apakah tindakan selanjutnya yang boleh diambil oleh pendaftar syarikat jika juruaudit didapati bersalah?
- (d) Jelaskan kategori atau jenis juruaudit yang terdapat di Malaysia berpandukan kepada Akta Syarikat 1965. Jelaskan kelayakan serta tugas dan tanggungjawab setiap jenis juruaudit itu.

[20 markah]

7. Kajian (Anderson, Koonce and Merchant, "The Effects of Source-Competence Information and its Timing on Auditors' Performance of Analytical Procedures," *Auditing: A Journal of Practice and Theory*, (Spring 1993), pp 136-148) telah mendapati bahawa juruaudit mengambil kira kecekapan pengurus di dalam menentukan sama ada sesuatu bukti itu boleh dipercayai atau tidak.

Anda dikehendaki:

- (a) membincangkan bagaimanakah kecekapan pihak pengurusan boleh:
 - mempengaruhi kebolehpercayaan sesuatu maklumat
 - dihubungkan dengan tatacara analitikal
 - dihubungkan dengan piawai pengauditan diterima umum
- (b) membincangkan pernyataan yang boleh dipenuhi oleh bukti audit yang dikumpul melalui tatacara pematuhan dan tatacara substantif mengikut IAG 8.

[20 markah]

...9/-

Syarikat Peranginan
Urusiaga belian inventori dan pengagihan tunai 12/31/1997

Nombor Kertas Kerja: N-2
Disediakan oleh: IW 12/12/97
Disemak oleh: MS 12/6/97

Tarikh	Penerima wang	Nombor cek	Jumlah (RM)	Tatacara audit							
				☺	@	φ	φ	φ	t	u	
1/9/97	Isetan	961	12,610.47	✓	☺	@	φ	φ	φ	t	u
2/3/97	Isetan	1480	391.05	✓	☺	@	φ	φ	φ	t	u
4/1/97	Isetan	2322	4,210.40	✓	☺	@	φ	φ	φ	t	u
4/18/97	Isetan	2568	6,069.10	✓	☺	@	φ	φ	φ	t	u
5/22/97	Isetan	3133	841.70	✓	☺	@	φ	φ	φ	t	u
6/18/97	Isetan	3692	7,018.45	✓	☺	@	φ	φ	φ	t	u
7/25/97	Isetan	4230	2,292.40	✓	☺	@	φ	φ	φ	t	u
8/4/97	Isetan	4493	667.45	✓	☺	@	φ	φ	φ	t	u
9/13/97	Isetan	5020	318.41	✓	☺	@	φ	φ	φ	t	u
10/20/97	Isetan	5554	15,440.91	✓	☺	@	φ	φ	φ	t	u
11/15/97	Isetan	6009	8,611.70	✓	☺	@	φ	φ	φ	t	u
12/23/97	Isetan	6681	2,098.78	✓	☺	@	φ	φ	φ	t	u

Objektif Audit:

Untuk mengesahkan bahawa kesemua belian telah dipesan dan diterima dengan betul bagi tujuan perniagaan

Untuk mengesahkan perbelanjaan dan aset telah dinilai dan diklasifikasi dengan betul

Untuk mengesahkan bahawa kesemua pengagihan tunai adalah untuk tujuan perniagaan dan telah diluluskan

Skop:

Populasi - Kesemua belian adalah daripada Syarikat Isetan.

Sampel - Pertimbangan. Memilih 12 baucer pembayaran tunai daripada jurnal pembayaran tunai bagi belian yang dibuat daripada Isetan.

Tatacara Audit:

- ✓ Meneliti invoice belian. Melihat sama ada jumlahnya sama dengan yang tercatat di cek dan tarikhnya adalah sama dengan tarikh pembayaran. Pembayaran adalah 3% kurang daripada jumlah invoice, dan ini menunjukkan diskaun tunai. Pengiraan semula telah dilakukan ke atas diskaun yang diambil.
- ☺ Bandingkan harga invoice dengan senarai harga yang diluluskan. Kesemuanya adalah sama kecuali A.
- @ Memeriksa invoice belian untuk mendapatkan bukti bahawa kakitangan syarikat telah mengesahkan harga dan kesemua pengiraan ("extensions and footings"). Tanda petunjuk perkara tersebut telah dilakukan boleh didapati di dalam semua kes.
- ∅ Mengesahkan ketepatan matematik maklumat invoice.
- Φ Memeriksa kesemua cek yang dibatalkan bagi mengesahkan jumlah, tarikh, tandatangan, kelulusan dan sipenerima cek.
- t Memeriksa laporan penerimaan untuk menentukan penerangan dan kuantitinya sama dengan butiran yang dicatatkan di invoice belian. Kesemua laporan telah ditandatangani oleh Encik Sani atau Encik Lee.
- u Memeriksa permohonan belian dan menentukan sama ada maklumatnya sama dengan laporan penerimaan dan invoice. Mengesahkan kod akaun. Kesemua permintaan telah diluluskan kecuali B dan C.

LAMPIRAN III

Komen:

- A Harga belian 4/1/97 dan 7/25/97 tidak sama dengan senarai harga yang dibenarkan sebanyak RM200 dan RM300 masing-masing. Menurut Encik Sami, perbezaan adalah kerana belian bulanan dari isetan adalah pada harga yang berlainan daripada senarai harga semasa. *Memerlukan kerja yang lebih lanjut dijalankan.*
- B Permintaan belian tidak sama dengan laporan penerimaan bagi satu belian. Encik Sani mengatakan penggantian belian dibuat kerana stok inventori belian asal tidak mencukupi. *Memerlukan kerja yang lebih lanjut dijalankan.*
- C Empat permintaan telah diluluskan oleh Encik Leong dan bukan Encik Samad. Encik Sani mengatakan hanya permintaan melebihi RM1,000 mesti diluluskan oleh Encik Samad. *Memerlukan kerja yang lebih lanjut dijalankan.*

Kesimpulan Audit:

Belian dan pengagihan tunai adalah dinyatakan dengan adil dan saksama di dalam kesemua aspek.

---ooo000ooo---